

→ INOVASI

Racun serangga UMP bolot tujuh emas

→ Universiti raih empat anugerah khas Pertandingan Reka Cipta British

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) membawa pulang tujuh pingat emas dan empat anugerah khas pada Pertandingan Reka Cipta British (BIS) yang diadakan baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan

Awam dan Sumber Alam UMP yang juga ketua projek pertandingan, Abdul Syukor Abd Razak, berkata UMP turut menerima Anugerah Permata menerusi penyelidikan sistem bersepadu mesra alam sisa domestik bagi olahan air sisa industri menggunakan tumbuhan (Phytogreen).

Sisa tandan sawit

Katanya, ciptaan dan inovasi mesra alam cecair pembunuh serangga dikenali sebagai 'Pestkilla' yang dihasilkan daripada pokok tuba (*Deris elliptica*) dan 'Pisoptera' racun anai-anai daripada sisa tandan sawit pula masing-masing meraih Anugerah Khas Platinum, sekali gus meletakkan UMP antara pasukan terbaik pada pertandingan yang diadakan di Barbican Exhibition Centre, London, United Kingdom itu.

"Produk mesra alam dihasilkan daripada bahan terbuang dan tidak memberi kesan kepada manusia serta haiwan menjadi kelebihan untuk merangkul hadiah yang dipertandingkan," katanya.

"Pencapaian di London dianggap terbaik tahun ini dan usaha UMP menghasilkan produk mesra alam lebih 10 tahun lalu berjaya mencetuskan pelbagai kejayaan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, sebelum ini, anak syarikat universiti itu, UMP Eco Pest Sdn Bhd, memenangi dua pingat emas serta meraih anugerah khas juri pada Pertandingan Rekacipta Antarabangsa Warsaw (IWIS) 2016 di Poland membabitkan projek 'Pestkilla' dan 'Pisoptera' yang sama.

BH
19/11/16
MIS 4

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]



Abdul Syukor (tengah) bersama pelajar UMP menunjukkan inovasi cecair pembunuh serangga dan pingat yang diperoleh pada Pertandingan Rekacipta British (BIS) London, di Kuantan, semalam.